(52)

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN,
BLOK K PARAS 4 & 5,
PUSAT BANDAR DAMANSARA,
PETI SURAT 12579,
50782 KUALA LUMPUR

*Telefon:* 03-2547033
*Fax:* 603-2547380
*Fax:* 603-2554066
*Kawat:* "MINRUMAH"

*Ruj. Tuan:*

*Ruj. Kami:* KPKT(02)(S)74/4Klt.3(52)

*Tarikh:* 15 Ogos 1995

Y. Bhg. Timbalan Ketua Setiausaha Negara,
Jabatan Perdana Menteri,
Jalan Dato' Onn,
**50546 Kuala Lumpur.**

Y. Bhg. Ketua Setiausaha,
Kementerian Dalam Negeri,
Jalan Dato' Onn,
**50546 Kuala Lumpur.**

Y. Bhg. Ketua Setiausaha,
Kementerian Pembangunan Luar Bandar,
Tingkat 5-10, Bangunan Kompleks Kewangan,
Jalan Raja Chulan,
**50606 Kuala Lumpur.**

Y. Bhg. Ketua Setiausaha,
Kementerian Pengangkutan,
Tingkat 7, Wisma Perdana,
Jalan Dungun, Damansara Height,
**50616 Kuala Lumpur.**

Y. Bhg. Ketua Setiausaha,
Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos,
Tingkat 1, Wisma Damansara,
Jalan Semantan,
**50668 Kuala Lumpur.**

Y. Bhg. Ketua Setiausaha,
Kementerian Perusahaan Utama,
Tingkat 6-8, Menara Dayabumi,
Jalan Sultan Hishamduddin,
**50654 Kuala Lumpur.**

DITERIMA (104)
27 NOV 2008
BAHAGIAN ICT
JABATAN KERAJAAN TEMPATAN

Y. Bhg. Ketua Setiausaha,
Kementerian Kerja Raya,
Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur.

Y. Bhg. Ketua Setiausaha,
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan
Industri Malaysia,
Blok 10, Tingkat 15,
Jalan Duta,
50604 Kuala Lumpur.

Y. Bhg. Ketua Setiausaha,
Kementerian Pendidikan,
Blok J, Pusat Bandar Damansara,
50604 Kuala Lumpur.

Y. Bhg. Ketua Setiausaha,
Kementerian Pertanian,
Tingkat 4, Wisma Tani,
Jalan Sultan Salahuddin,
50624 Kuala Lumpur.

Y. Bhg. Ketua Setiausaha,
Kementerian Kewangan,
Perbendaharaan Malaysia,
Tingkat 15, Blok 9, Kompleks Kerajaan,
Jalan Duta,
50592 Kuala Lumpur.

Y. Bhg. Ketua Setiausaha,
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan
Hal Ehwal Pengguna,
Tingkat 40, Menara Maybank,
Jalan Tun Perak,
50050 Kuala Lumpur.

Y. Bhg. Ketua Setiausaha,
Kementerian Kesihatan,
Jalan Cenderasari,
50590 Kuala Lumpur.

Y. Bhg. Ketua Setiausaha,
Kementerian Pertahanan,
Jalan Padang Tembak,
**50634 Kuala Lumpur.**

Y. Bhg. Ketua Setiausaha,
Kementerian Penerangan Malaysia,
Tingkat 7, Angkasapuri,
**50610 Kuala Lumpur.**

Y. Bhg. Ketua Setiausaha,
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan,
Tingkat 21, 34-36, Menara Dato' Onn,
Pusat Dagangan Dunia Putra,
45, Jalan Tun Ismail,
**50694 Kuala Lumpur.**

Y. Bhg. Ketua Setiausaha,
Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat,
Tingkat 20 dan 21, Wisma Bumi Raya,
Jalan Raja Laut,
**50562 Kuala Lumpur.**

Y. Bhg. Ketua Setiausaha,
Kementerian Pembangunan Usahawan,
Tingkat 26, Bangunan Medan MARA,
Jalan Raja Laut,
**50652 Kuala Lumpur.**

Y. Bhg. Ketua Setiausaha,
Kementerian Sumber Manusia,
Tingkat 2, Blok B Utara,
Pusat Bandar Damansara,
**50530 Kuala Lumpur.**

Y. Bhg. Ketua Setiausaha,
Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar,
Tingkat 14, Wisma Sime Darby,
Jalan Raja Laut,
**50662 Kuala Lumpur.**

Y. Bhg. Ketua Setiausaha,
Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi,
Wisma Tanah, Jalan Semarak,
**50574 Kuala Lumpur.**

Y. Bhg. Ketua Setiausaha,
Kementerian Belia dan Sukan,
Aras 6 dan 7, Blok K,
Pusat Bandar Damansara,
**50570 Kuala Lumpur.**

Y. Bhg. Ketua Setiausaha,
Kementerian Luar Negeri,
Wisma Putra,
**50602 Kuala Lumpur.**

Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri,
(Bahagian Kerajaan Tempatan),
Blok A, Bangunan Dato' Mahmud Mat,
01000 Kangar,
**Perlis.**

Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri,
(Bahagian Kerajaan Tempatan),
Blok C, Aras 3, Wisma Darul Aman,
05503 Alor Setar,
**Kedah.**

Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri,
(Bahagian Kerajaan Tempatan),
Tingkat 25, Bangunan KOMTAR,
**10503 Pulau Pinang.**

Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Perak,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri,
(Bahagian Kerajaan Tempatan),
Bangunan Darul Ridzuan,
30000 Ipoh,
**Perak.**

Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri,
(Bahagian Kerajaan Tempatan),
Tingkat 17, Bangunan SSAAS,
40503 Shah Alam,
**Selangor**.

Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang,
Bahagian Kemajuan Sumber dan Organisasi,
Unit Penyelarasan, Pengesanan dan Kawalan PBT,
Tingkat 2, Blok B, Wisma Sri Pahang,
25503 Kuantan,
**Pahang**.

Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri,
(Bahagian Kerajaan Tempatan),
70503 Seremban,
**Negeri Sembilan**.

Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri,
(Bahagian Kerajaan Tempatan),
Sri Negeri,
**75503 Melaka**.

Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Johor,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri,
(Bahagian Kerajaan Tempatan),
Aras 4, Bangunan Sultan Ibrahim,
80503 Johor Bahru,
**Johor**.

Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri,
(Bahagian Kerajaan Tempatan),
15503 Kota Bharu,
**Kelantan**.

Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri,
(Bahagian Kerajaan Tempatan),
Wisma Darul Iman,
20503 Kuala Terengganu,
**Terengganu.**

Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak,
Tingkat 20, Wisma Bapak Malaysia,
Petra Jaya,
93502 Kuching,
**Sarawak.**

Y.B. Setiausaha Kerajaan Sabah,
(Jabatan Ketua Menteri),
88606 Kota Kinabalu,
**Sabah.**

Y. Bhg. Datuk Bandar,
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur,
Jalan Raja Laut,
**50350 Kuala Lumpur.**

Setiausaha Tetap,
Kementerian Alam Sekitar dan
Perumahan Sarawak,
Tingkat 8, Wisma Bapak Malaysia,
Petra Jaya,
93502 Kuching,
**Sarawak.**

Setiausaha Tetap,
Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah,
Tingkat 6, Blok C, Wisma Tun Fuad Stephen,
88999 Kota Kinabalu,
**Sabah.**

Y. Bhg. Tan Sri/ Datuk/Tuan,

*Peraturan Membina Bangunan-Bangunan Kerajaan Persekutuan Di Kawasan Pihakberkuasa Tempatan*

---

Dengan hormatnya perkara tersebut di atas dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 4 Ogos 1993 telah bersetuju agar setiap bangunan Kerajaan Persekutuan dikehendaki mendapatkan kelulusan perancangan dan perintah pembangunan daripada Pihakberkuasa Tempatan sebelum pembinaan dimulakan. Di mesyuarat yang sama juga Jemaah Menteri telah memutuskan bahawa cadangan bangunan Kerajaan tidak memerlukan kelulusan pelan bangunan.

3. Sukacita dijelaskan bahawa maksud kelulusan perancangan adalah kelulusan pelan tatatur sahaja bersama-sama dengan maklumat perancangan yang diperlukan oleh Pihakberkuasa Tempatan.

4. Untuk memudahkan Pihakberkuasa Tempatan memproses dan memberi kelulusan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyediakan senarai semak seperti di *Lampiran A* bagi kelulusan pelan tatatur dan *Lampiran B* bagi kelulusan perintah pembangunan.

5. Bagi bangunan Kerajaan yang sedang dibina dan telah siap dibina, kesemua pelan mengenai projek berkenaan adalah dikehendaki dikemukakan oleh agensi pelaksana kepada Pihakberkuasa Tempatan untuk disemak dan direkodkan. Ini termasuklah bangunan Kerajaan di mana Jabatan-Jabatan tersebut telah diswastakan. Bagi bangunan Kerajaan yang tidak memenuhi keperluan Bomba atau tidak mempunyai makluman mengenai ciri-ciri keselamatan, Jabatan Kerajaan berkenaan adalah dikehendaki mengemaskinikan pelan-pelan bangunan mereka dan menaikkan taraf keselamatan bagi bangunan tersebut dalam masa tiga tahun.

6. Adalah diharapkan perkara ini mendapat perhatian dan tindakan segera daripada pihak Y. Bhg. Tan Sri/Datuk/Tuan agar pembinaan projek bangunan Kerajaan tidak tergendala dan keselamatan bangunan-bangunan yang sedia ada ditingkatkan.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

( DATO' UMAR HAJI ABU )
Ketua Setiausaha,
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

*mri.wpd/[b:DT(1)]nor*

# SYARAT-SYARAT KEPERLUAN BAGI MENDAPATKAN KEBENARAN PELAN TATATUR

1. Bangunan

   Susunatur semua bangunan dan kemudahan lain di atas tapak.

2. Jalan

   a. Kedudukan jalan masuk dan keluar serta semua jalan-jalan yang lain terdapat di dalam kawasan tapak.

   b. Lorong memperlahankan serta melajukan kenderaan (accelaration and deceleration lane) jika diperlukan.

3. Tempat Letak Kereta

   Kedudukan ruang letak kereta di dalam tapak.

4. Parit

   Kedudukan parit luaran tapak (mungkin perlu disediakan atau diperbesarkan sekiranya keadan memerlukan).

5. Kawasan Lapang

   Kedudukan kawasan lapang di dalam tapak.

6. Ketinggian Bangunan

   Ketinggian semua bangunan yang akan dibina.

pln : sp

# SYARAT-SYARAT UNTUK MENDAPATKAN PERINTAH PEMBANGUNAN (DEVELOPMENT ORDER)

| |
|---|
| 1. Mengecualikan bangunan Kerajaan Persekutuan daripada membayar deposit kepada Pihakberkuasa Tempatan sebelum pelan bangunan diluluskan bagi maksud memastikan syarat-syarat mengenai pemindahan runtuhan, pembinaan pagar perlindungan, pengindahan dan kebersihan di sekitar tapak pembinaan dipatuhi dengan sepenuhnya dan juga untuk memperbaiki apa-apa kerosakan yang berlaku kepada jalan, parit, tambak, sisian jalan dan lain-lain semasa pembinaan.<br><br>Walau bagaimanapun bangunan Kerajaan Persekutuan mestilah mematuhi syarat-syarat berkaitan perkara-perkara tersebut yang telah ditetapkan oleh Pihakberkuasa Tempatan. |
| 2. Bangunan Kerajaan Persekutuan adalah dikecualikan daripada membuat sumbangan kepada Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan (I.S.F) yang telah ditubuhkan oleh Pihakberkuasa Tempatan sekiranya ada.<br><br>Walau bagaimanapun bangunan Kerajaan Persekutuan adalah dimestikan untuk mematuhi segala syarat yang berkaitan yang ditetapkan oleh Pihakberkuasa Tempatan. |
| 3. Perintah Pembangunan adalah sah selama satu tahun dari tarikh ia dikeluarkan melainkan jika pelan bangunan berkenaan dapat dikemukakan kepada Pihakberkuasa Tempatan dalam tempoh tersebut. |
| 4. Kemukakan pelan-pelan bagi jalan/lorong/jalan susur/parit tepi jalan/lampu jalan/pembaikan jalan kepada Pihakberkuasa Tempatan dan membina mengikut kehendak-kehendak PihakberkuasaTemptan tersebut. Jalan dan parit yang dicadangkan hendaklah dihubungkan dengan sistem yang sedia ada. |
| 5. Kemukakan pelan bagi laluan keluar dan masuk (ingress/egress), susunan ruang letak kereta (jumlah ..... ruang letak kereta) dan edaran lalulintas di sebelah dalam kepada Pihakberkuasa Tempatan untuk semakan supaya kehendak-kehendak Pihakberkuasa Tempatan dipatuhi. |
| 6. Kemukakan pelan bagi pemasangan paip-paip kotoran sistem pembetungan di luar bangunan kepada Pihakberkuasa Tempatan untuk semakan supaya kehendak-kehendak Pihakberkuasa Tempatan dipatuhi. |

| | |
|---|---|
| 7. | Pembangunan sistem pembetungan yang dicadangkan itu hendaklah diluluskan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Pembetungan. |
| 8. | Pagar perlindungan yang cukup dan efektif hendaklah dibina di tapak yang hendak dimajukan. Pelan dan penentuan untuk pagar itu hendaklah dikemukakan kepada Pihakberkuasa Tempatan dan hendaklah membina pagar itu sebelum apa-apa kerja dimulakan di tapak tersebut termasuk kerja-kerja tanah dan cerucuk keluli. |
| 9. | Berhubung dengan Jabatan Bomba Malaysia untuk menyemak mengenai kehendak-kehendak sistem mencegah bagi bangunan yang dicadang untuk dibina. |
| 10. | Kemukakan pelan-pelan pengindahan dan kawasan sekeliling kepada Pihakberkuasa Tempatan untuk ulasan dan persetujuan.<br><br>Kawasan di sekeliling bangunan hendaklah diperindahkan dan ditanam pokok-pokok mengikut kehendak-kehendak Pihakberkuasa Tempatan. |
| 11. | Satu sistem pengumpulan sampah hendaklah disediakan dan lokasi dan sistem spesifikasi akan ditentukan oleh Pihakberkuasa Tempatan. |
| 12. | Berhubung dengan Pihakberkuasa Tempatan berkaitan , dengan kemudahan pengangkutan awam (perhentian bas/teksi) bagi pembangunan ini dan mengemukakan pelan-pelan kepada Pihakberkuasa Tempatan jika diperlukan untuk ulasan dan persetujuan. |

pln : do